



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **KENYATAAN MEDIA**

### **JUMLAH PENGHUNI PPS DI TERENGGANU DAN KELANTAN MULA MENCATATKAN PENURUNAN**

Kementerian Pembangunan Wanita, keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ingin memaklumkan bahawa setakat jam 3.00 petang, 23 Disember 2022 sebanyak 190 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang masih beroperasi di seluruh negara yang melibatkan lapan (8) negeri iaitu Terengganu (127 buah PPS), Kelantan (53 buah PPS), Johor (2 PPS), Perak (2 buah PPS), Pahang (1 buah PPS), Selangor (2 buah PPS) dan Sarawak (4 buah PPS). Seramai 40,389 mangsa daripada 11,993 keluarga terlibat dalam bencana ini. Secara keseluruhan, jumlah mangsa banjir yang berada di PPS di Kelantan dan Terengganu semakin menurun dan sebahagian besar PPS di kedua-dua negeri juga telah mula ditutup. Pengoperasian PPS yang ada lebih kepada untuk memberi ruang kepada mangsa-mangsa banjir mengemas dan membersihkan rumah sebelum dibenarkan pulang.

Dalam waktu sama, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersedia dan sentiasa siapsiaga untuk sebarang kemungkinan hujan lebat dan banjir lebih teruk terutama bagi negeri Pahang, Johor, Sarawak dan Sabah. Ini adalah berdasarkan ramalan cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia pada 22 Disember 2022 yang menjangkakan hujan berterusan di

Pahang dan Johor ( 22 - 23 Disember 2022), Sarawak (23 - 24 Disember 2022) dan Sabah (23 - 26 Disember 2022).

JKM juga menyediakan perkhidmatan intervensi krisis dan sokongan psikologi (IKSP) semasa dan selepas bencana agar kefungsiian psikologikal mangsa kembali semula ke tahap optimum dan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian turut dilaksanakan terutamanya untuk kanak-kanak yang berada di PPS. Maklumat terkini berkaitan pembukaan PPS di seluruh negara boleh diakses melalui aplikasi atau portal InfoBencanaJKM.

Orang ramai diseru supaya sentiasa berjaga-jaga dan menjaga keselamatan masing-masing serta mematuhi arahan pihak berwajib terutamanya bagi mereka yang berada di kawasan yang berisiko. Para penghuni PPS juga diharapkan supaya memanfaatkan kemudahan dengan berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan yang ada untuk keselesaan dan kebaikan bersama.

**Unit Perhubungan Awam Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
23 Disember 2022**